

29 AUG 2003

EKSPEDISI PERSATUAN WARWATAN TIBA DI PERLIS HARI INI

KANGAR, 29 Ogos (Bernama) -- Kumpulan ekspedisi jelajah merdeka anjuran Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) yang membabitkan 280 buah motosikal berkuasa besar, tiba di sini hari ini.

Kumpulan yang diketuai Presiden PWM Yazid Othman itu disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim di perkarangan Stadium Utama di sini.

Shahidan kemudian menandatangani ikrar patriotisme yang dibawa oleh PWM selepas membacakannya dari pentas khas.

Yazid yang ditemui pemberita berkata ikrar itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena sambutan ambang merdeka di Dataran Merdeka malam esok.

Semua menteri besar, ketua menteri serta datuk bandar menandatangani ikrar itu.

Kumpulan itu memulakan ekspedisi pada 14 Ogos lepas.

-- BERNAMA

AD RON